# Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Markah ___ / 80

Masa: 2 jam

## Bahagian A [20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1** Apakah kepentingan getah asli kepada negara-negara Barat?
**A** Membuat tong minyak
**B** Pembuatan tin makanan
**C** Dijadikan bahan penebat
**D** Pembinaan bumbung rumah

**2** Ciptaan berikut telah dihasilkan pada abad ke-19 di Eropah.

Telegraf

Apakah kesan daripada ciptaan tersebut?
**A** Mencepatkan perhubungan
**B** Meluaskan kawasan pasaran
**C** Memaksimumkan keuntungan
**D** Memudahkan penghantaran barang

**3** Apakah strategi yang telah digunakan oleh Belanda untuk memonopoli perdagangan bijih timah di Perak?
**A** Pajakan
**B** Pakatan
**C** Desakan
**D** Perjanjian

**4** Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Kedah.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1800 | George Leith menandatangani perjanjian dengan Sultan Kedah |

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?
**A** British menguasai kawasan Seberang Perai
**B** British menduduki Pulau Pinang secara rasmi
**C** British memulakan perdagangan di Pulau Pinang
**D** British melantik Gabenor di Pulau Pinang

**5** Apakah peranan penjawat jawatan berikut dalam sistem pentadbiran British di negara kita?

Residen Konsular

**A** Melantik Residen di negeri-negeri Melayu
**B** Mengawasi pentadbiran Negeri-negeri Selat
**C** Membantu Gabenor dalam bidang pentadbiran
**D** Mengetuai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

**6** Apakah kaedah perlombongan emas yang telah digunakan oleh pelombong Eropah di Pahang?
I Kaedah melampan
II Kaedah mendulang
III Kaedah lombong dedah
IV Kaedah lombong bawah tanah
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**7** Tokoh berikut pernah menuntut haknya sebagai Sultan Perak.



Raja Yusuf

Apakah hierarki beliau dalam sistem pemerintahan diraja Perak?
**A** Raja Muda
**B** Raja Di Hilir
**C** Raja Kecil Besar
**D** Raja Kecil Bongsu


LIVEWORKSHEETS

8 Apakah matlamat pembinaan binaan berikut di Selangor?

Gedung Raja Abdullah

A Pusat pertahanan negeri
B Pusat pentadbiran kerajaan
C Pusat pengumpulan bijih timah
D Pusat perdagangan rakyat Selangor

9 Apakah Kesultanan Melayu yang telah mewujudkan jawatan berikut dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan?

Dato' Bentara Dalam

A Kesultanan Johor
B Kesultanan Kedah
C Kesultanan Kelantan
D Kesultanan Terengganu

10 Kuasa imperialis berikut berhasrat untuk membuka petempatan di Asia Tenggara.

Rusia

Apakah kawasan yang dimaksudkan?
A Pahang
B Langkawi
C Terengganu
D Ujung Salang

11 Kawasan berikut telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada James Brooke.

Dari kawasan Tanjung Datu ke Sungai Samarahan

Berapakah jumlah ufti tahunan yang perlu dibayar oleh James Brooke?
A 1500 Dolar Sepanyol
B 2000 Dolar Sepanyol
C 2500 Dolar Sepanyol
D 4000 Dolar Sepanyol

12 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pegawai dalam pentadbiran SBUB di Sabah.

- Mengetuai SBUB
- Bertanggungjawab kepada lembaga pengarah syarikat di London

Apakah jawatan pegawai tersebut?
A Residen British
B Gabenor British
C Penasihat British
D Pesuruhjaya Tinggi British

13 Jadual berikut menunjukkan tindakan yang telah dilakukan oleh pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1881 | Menjadikan bandar **X** sebagai ibu negeri pertama Sabah |

Apakah bandar **X** tersebut?
A Kudat
B Sandakan
C Lahad Datu
D Kota Kinabalu

14 Pada tahun 1888, British membuka lombong bijih timah bawah tanah yang terpanjang di dunia.
Di manakah lokasi lombong bijih timah tersebut?
A Larut
B Klang
C Sungai Ujong
D Sungai Lembing

15 Jabatan berikut telah ditubuhkan semasa pentadbiran British di negara kita.

Sanitary Board

Apakah matlamat penubuhannya?
I Menjaga kesihatan bandar
II Mengawasi kebersihan bandar
III Menempatkan pesakit kusta
IV Mengkaji penyakit kawasan tropika
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16 Pilih padanan yang **betul** tentang kadar bayaran cukai yang dikenakan oleh pentadbiran SBUB ke atas penduduk Sabah.

| | Jenis Barangan | Kadar Cukai |
|---|---|---|
| A | Tangkapan ikan besar | $0.50 sen seekor |
| B | Memelihara anjing | $1.00 seekor |
| C | Segantang beras | $0.01 sen |
| D | 1 ekar kawasan tanah | $2.00 setahun |


LIVEWORKSHEETS

17 Senapang berikut pernah digunakan oleh pemimpin tempatan untuk menghadapi serangan British.

- *Flintlock*
- *Snider riffles*

Siapakah pembesar yang telah berbuat demikian?

**A** Rentap
**B** Dol Said
**C** Mat Salleh
**D** Tok Janggut

18 Tindakan berikut dilakukan oleh Rentap selepas penguasaan Brooke ke atas wilayah Bukit Sadok.

Berundur ke kawasan **X**

Apakah kawasan **X**?

**A** Tibabar
**B** Entabai
**C** Kanowit
**D** Sungai Sadok

19 Jabatan kerajaan berikut telah ditubuhkan oleh sebuah kerajaan negeri hasil daripada pembaharuan dan pemodenan negeri.

Pejabat Pesuruhjaya Keadilan

Sultan yang menubuhkan jabatan tersebut ialah

**A** Sultan Abu Bakar
**B** Sultan Muhammad II
**C** Sultan Zainal Abidin III
**D** Sultan Abdul Hamid Halim Shah

20 Maklumat berikut berkaitan dengan pembesar Johor.

Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

Apakah langkah yang diambil oleh tokoh tersebut?

**A** Memartabatkan bahasa Melayu
**B** Mengawal hubungan Johor dengan British
**C** Melukis peta lengkap pertama bagi negeri Johor
**D** Mendesak pewartaan pendidikan wajib kepada kanak-kanak Johor

LIVEWORKSHEETS